



LAPORAN PRESTASI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) TAHUN 2024



I. SENARAI AHLI-AHLI PAC PARLIMEN PENGGAL KE-15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - **Pengerusi**
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - **Naib Pengerusi**
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - **Setiausaha**

II. WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

- | | |
|---|--------|
| 1. Jabatan Peguam Negara | (AGC) |
| 2. Jabatan Perkhidmatan Awam | (JPA) |
| 3. Kementerian Kewangan Malaysia | (MOF) |
| 4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | (SPRM) |
| 5. Jabatan Audit Negara | (JAN) |
| 6. Kementerian Ekonomi | (KE) |
| 7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia | (JANM) |

III. LATAR BELAKANG PAC PARLIMEN-15

PAC merupakan salah satu daripada lima Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang dibentuk untuk meneliti laporan daripada Ketua Audit Negara dan meneliti kewangan Kerajaan serta wang yang diperuntukkan oleh Parlimen untuk perbelanjaan awam.

PAC Parlimen ke-15 dibentuk secara rasmi dengan pelantikan ahli-ahli PAC oleh Majlis Dewan Rakyat susulan daripada pembentangan Penyata Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat (DR. 4 Tahun 2023) pada 24 Mei 2023. Selain itu, Penyata Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat (DR. 2 Tahun 2024) telah dibentangkan pada 11 Mac 2024 bagi mengisi 1 kekosongan keahlian PAC ketika itu.

Pengerusi PAC telah dilantik melalui usul yang dibawa YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan kemudian disokong oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 4 April 2023. Naib Pengerusi PAC pula dilantik melalui usul yang dibawa YB Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) di Dewan Rakyat dan disokong oleh Dewan Rakyat pada 16 Julai 2024.

PAC sentiasa memfokuskan kepada isu dalam pentadbiran Kerajaan yang dikenal pasti mempunyai unsur 3P 1K iaitu Pembaziran, Penyelewengan, Penyalahgunaan kuasa dan Ketirisan.

IV. PUNCA KUASA PAC

Punca kuasa PAC terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- i. Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Arahan Perbendaharaan Pindaan 2023; dan
- iii. Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian-Kementerian.

Di bawah PPMMDR, PAC menggunakan Peraturan Mesyuarat seperti berikut:

- i. **Peraturan Mesyuarat 77 (1)** menetapkan bahawa hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa:
 - (a) Kira-kira Kerajaan Malaysia dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negeri;
 - (b) apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam Majlis;
 - (c) penyata-penyata Pemeriksa Kira-kira Negara yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat menurut Perkara 107 dalam Perlembagaan;
 - (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu.

- ii. **Peraturan Mesyuarat 77 (5)** menetapkan bahawa Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat dan rekod-rekod dan mengeluarkan penyata kepada Majlis dari satu masa ke satu masa.

Manakala, di bawah Arahan Perbendaharaan Pindaan 2023, PAC menggunakan:

- i. **Arahan Perbendaharaan 12** yang menetapkan bahawa mana-mana Pegawai Pengawal boleh dipanggil ke hadapan Jawatankuasa Akaun Awam yang ditubuhkan oleh Badan Perundangan yang berkenaan untuk menimbangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun awam, dan boleh dikehendaki membantu Jawatankuasa itu dalam penyiasatannya mengenai mana-mana hal perbelanjaan yang membazir, tidak memungut hasil, atau mana-mana perbelanjaan yang dilakukan tanpa kebenaran dalam Kementerian/Jabatan di bawah kawalan kewangannya.

- ii. **Arahan Perbendaharaan 301** di mana Pegawai Pengawal bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa Akaun Awam berhubung dengan:
 - (a) perbelanjaan, pemungutan, penyimpanan dan perakaunan yang sepatutnya mengenai Wang Awam; dan
 - (b) penyimpanan, pelupusan dan perakaunan yang sepatutnya mengenai Aset Awam di bawah jagaan Pegawai Pengawal.

Tanggungjawab ini termasuklah dengan mengadakan penetapan kuasa kepada pegawai di bawah jagaan pentadbirannya dan mengeluarkan arahan dalaman untuk memastikan bahawa urusan kewangan dijalankan dengan cekap dan teratur. Apa-apa arahan dalaman yang dikeluarkan oleh Pegawai Pengawal hendaklah selaras dan tidak bercanggah dengan Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

iii. **Arahan Perbendaharaan 304 –**

- (a) Apabila Laporan Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Badan Perundangan, sesalinan setiap perenggan Laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Pegawai Kewangan Negeri dan Jawatankuasa Akaun Awam. Jawatankuasa Akaun Awam itu boleh mengkehendaki seseorang Pegawai Pengawal memberi keterangan di hadapannya.
- (b) Apabila Jawatankuasa Akaun Awam telah menyampaikan laporannya kepada Badan Perundangan, sesalinan setiap satu (1) perenggan laporan itu hendaklah juga dihantar kepada Pegawai Pengawal yang berkenaan. Jika laporan itu mengkehendaki tindakan diambil, Pegawai Pengawal itu hendaklah mengambil langkah untuk mematuhi. Pegawai Pengawal itu hendaklah kemudiannya melaporkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri kedudukan semasa mengenai setiap perenggan yang dirujuk kepadanya. Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri hendaklah kemudiannya menghantar kepada Jawatankuasa Akaun Awam suatu laporan terkini mengenai perkara yang telah diambil tindakan oleh Pegawai Pengawal yang berkenaan.

Manakala, di bawah **Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2024: Organisasi Kementerian-Kementerian**, PAC menggunakan **Seksyen 5(3)(d)** yang menyatakan bahawa selain menjadi penasihat utama kepada Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian juga bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam hal mengawal perbelanjaan dan menyimpan akaun yang betul bagi tiap-tiap tugas yang diselenggarakan.

V. JUMLAH LAPORAN YANG TELAH DIBENTANGKAN PADA TAHUN 2024

PAC telah membentangkan 22 buah laporan merangkumi 11 Laporan PAC dan 11 Laporan Tindakan Susulan Kementerian bagi Syor-syor Laporan PAC pada tarikh seperti berikut:

i. Laporan PAC berhubung isu:

1. UiTM Holdings Sdn. Bhd. (DR 3/2024) pada 18 Mac 2024;
2. Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (DR 4/2024) pada 19 Mac 2024;
3. Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (DR 5/2024) pada 20 Mac 2024;
4. Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah (DR 6/2024) pada 21 Mac 2024;
5. FELCRA Berhad (DR 15/2024) pada 26 Jun 2024;
6. Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) Dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) (DR 16/2024) pada 3 Julai 2024;
7. Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD CORP)] (DR 17/2024) pada 4 Julai 2024;
8. Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar (DR 20/2024) pada 11 Julai 2024;
9. Majlis Profesor Negara (DR 38/2024) pada 7 November 2024;
10. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (DR 41/2024) pada 19 November 2024; dan
11. Pengurusan Mara Incorporated Sdn. Bhd. (DR 43/2024) pada 26 November 2024.

ii. Laporan Tindakan Susulan Kementerian bagi Syor-syor Laporan PAC berhubung isu:

1. Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua - Littoral Combat Ship (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 (DR.6/2023) dan Jun Hingga September 2023 (DR.13/2023) [DR 1/2024] pada 29 Februari 2024;
2. Pengurusan Wabak Covid-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan Personal Protective Equipment (PPE) (DR 8/2024) pada 25 Mac 2024;

3. Terimaan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara (DR 9/2024) pada 26 Mac 2024;
4. Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi (DR 19/2024) pada 27 Jun 2024;
5. UiTM Holdings Sdn. Bhd. (DR 21/2024) pada 15 Julai 2024;
6. Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah (DR 22/2024) pada 16 Julai 2024;
7. Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (DR 23/2024) pada 18 Julai 2024;
8. FELCRA Berhad (DR 37/2024) pada 6 November 2024;
9. Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar (DR 39/2024) pada 11 November 2024;
10. Pengurusan Pekerja Asing Melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) (DR 40/2024) pada 21 November 2024; dan
11. Pengurusan Dana Latihan Dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD CORP)] (DR 48/2024) pada 9 Disember 2024.

VI. PENEMUAN PEMERHATIAN PAC TERHADAP ISU-ISU KELEMAHAN KERAJAAN BERDASARKAN LAPORAN-LAPORAN PAC YANG TELAH DIBENTANGKAN PADA TAHUN 2024

Isu-isu utama penemuan dalam Laporan-laporan PAC bagi tahun 2024 yang dikategorikan adalah seperti berikut:

- i. Tadbir urus dan pematuhan undang-undang;
- ii. Pengurusan kewangan dan pelaburan;
- iii. Pengurusan projek, infrastruktur dan kontrak;
- iv. Penguatkuasaan undang-undang dan kelestarian operasi;
- v. Konflik kepentingan dan kawalan dalaman; dan
- vi. Peningkatan dan pemerksaan/ penggunaan teknologi.

Berdasarkan isu-isu tersebut, **tadbir urus dan pematuhan undang-undang** ialah perkara utama yang paling banyak dikesan di kebanyakan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Ia menunjukkan masih terdapat kelemahan struktur dan proses dalam institusi/agensi Kerajaan secara keseluruhan. Manakala, isu **pengurusan kewangan dan pelaburan** pula dilihat sering menjadi cabaran bagi agensi-agensi dalam usaha memastikan keberkesanan strategi selain untuk mengawal sumber dalaman organisasi. PAC juga mendapati bahawa **pengurusan**

projek, infrastruktur dan kontrak amat kritikal dalam meningkatkan keberkesanan program pembangunan awam secara keseluruhan.

Selain itu, isu lain yang ditemui adalah seperti **konflik kepentingan** dalam organisasi, **kelestarian operasi** yang mencerminkan keupayaan sesebuah organisasi untuk terus beroperasi dengan cekap dan berkesan dalam jangka panjang sambil mengimbangi keperluan kewangan, sosial dan alam sekitar serta **pemeriksaan/ penggunaan teknologi** yang lebih tertumpu kepada konteks khusus.

Justeru, PAC dalam laporan-laporan yang dibentangkan terutama sekali dalam Laporan Tindakan Susulan tersebut telah mengesyorkan dan memberikan ulasan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan terutamanya, bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud dalam organisasi demi memperkukuh tadbir urus sekali gus mengurangkan risiko pembaziran, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan ketirisan dalam penggunaan dana awam. Ini bagi memastikan pengurusan yang telus, cekap dan berintegriti dengan setiap peruntukan kewangan yang diperuntukkan untuk projek dan program awam dimanfaatkan sepenuhnya demi kesejahteraan rakyat.

VII. **WAY FORWARD PAC TAHUN 2025**

Bagi perancangan tahun 2025, terdapat 3 isu yang masih berada dalam siasatan PAC. Sehubungan itu, PAC bercadang untuk mengadakan 2 lawatan kerja antara tarikh pada 20 Januari 2025 hingga 24 Januari 2025 berhubung isu **Pengurusan Program Penanaman Padi** dan isu **Pengurusan Air Negara**. Isu lain yang sedang diasiasat PAC ialah **Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM)**.

Selain itu, terdapat 4 isu yang akan dimuktamadkan laporannya iaitu isu **Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)**, **Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah**, **Komitmen Jaminan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB)** dan **Perolehan sistem Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)**. Semua 4 isu ini akan melalui mesyuarat penyediaan laporan (*housekeeping*) yang akan turut disertai oleh Ex-Officio PAC Parlimen sebelum dimuktamadkan melalui mesyuarat verifikasi. Cadangan tarikh untuk mesyuarat *housekeeping* diadakan adalah pada 3 Februari 2025 hingga 6 Mac 2025.

Di samping itu, PAC menjangkakan 5 laporan baharu akan dibentangkan mengguna pakai Peraturan Mesyuarat 77 (1)(d), PPMMDR meliputi isu-isu seperti berikut:

- i. Malaysia Airports Berhad (MAHB);
- ii. Pelaburan Domestik Khazanah Nasional Berhad;
- iii. Pembangunan Tanah Kuala Lumpur;
- iv. Peningkatan Premium Insurans di Malaysia; dan
- v. Perolehan Kereta api Elektrik Secara Pajakan oleh Negara China.

Kesemua terma rujukan (TOR) bagi isu-isu ini telah disediakan oleh sekretariat PAC.

Pada Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen ke-15 yang akan diadakan mulai dari 3 Februari 2025 hingga 6 Mac 2025, PAC akan memulakan prosiding bagi isu-isu di bawah Peraturan Mesyuarat 77 (1)(d) dan 6 Laporan PAC dijangka akan dibentangkan seperti berikut:

- i. Pengurusan Projek Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Sabah;
- ii. Komitmen Jaminan 1MDB;
- iii. Pengurusan Pelaksanaan Projek MLFF;
- iv. Perolehan sistem FWCMS;
- v. Pengurusan Air Negara; dan
- vi. Pengurusan Program Penanaman Padi.

Tambahan pula, PAC akan mengadakan 3 prosiding tindakan susulan sebelum membentangkan Laporan Tindakan Susulan Kementerian bagi isu-isu yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat seperti berikut:

- i. Majlis Profesor Negara (DR 38/2024);
- ii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (DR 41/2024); dan
- iii. Pengurusan Mara Incorporated Sdn. Bhd. (DR 43/2024).

Namun, kesemua perancangan PAC bagi tahun 2025 ini masih belum mengambil kira isu-isu baharu yang akan disiasat oleh PAC susulan daripada pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) pada tahun hadapan. Pada masa sama, PAC juga bercadang untuk mengadakan lawatan kerja ke luar negara di antara akhir bulan April 2025 dan minggu pertama bulan Jun 2025.

VIII. KESIMPULAN

PAC Parlimen ke-15 telah mengadakan sejumlah 148 mesyuarat bagi tahun 2024. Sukacita dimaklumkan bahawa PAC Parlimen ke-15 telah mencatat sejarah dengan membentangkan 22 laporan sejak penubuhan PAC pada tahun 1959.

Daripada 22 laporan yang telah dibentangkan pada tahun 2024, beberapa isu telah menjadi kejayaan terbesar PAC dan berjaya menarik perhatian rakyat terhadap isu-isu seperti FELCRA Berhad, Pengurusan Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) serta Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan Pembangunan Sumber Manusia Berhad [Human Resource Development Corporation (HRD Corp)].

PAC akan terus komited untuk memastikan rakyat mengetahui dan menilai tindakan-tindakan yang telah diambil Kerajaan terhadap syor-syor PAC dalam menangani masalah yang terus berulang ini.

Pada kesempatan ini, PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang sentiasa memperkasa dan menyokong PAC dalam melaksanakan peranan semak dan imbang badan eksekutif; tujuh (7) wakil tetap Kerajaan dalam PAC (ex-officio) yang berperanan menasihati dan mendapatkan maklumat yang lengkap serta tepat untuk PAC; dan warga Parlimen yang sentiasa bertungkus-lumus membantu PAC dalam melaksanakan tanggungjawab dan mandat yang telah diberikan.

Semoga kesefahaman dan kerjasama yang telah wujud sejak sekian lama ini dapat diteruskan demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia.